



KENYATAAN MEDIA

Bil. 19 / 2021

7,601 KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN) MELAKA KE-15 DIKELUARKAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **7,601 kertas undi pos** kepada yang berhak untuk mengundi secara pos seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan 3, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 bagi PRU DUN Melaka Ke-15. Pengeluaran kertas undi pos pada 9 November 2021 (Selasa) dijalankan oleh Petugas Pilihan Raya di **semua 28 kawasan DUN**.
2. Kesemua **7,601 kertas undi pos** tersebut terdiri daripada **6,871** kategori Borang 1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media), **511** undi pos bagi kategori Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara), **113** kategori Borang 1C (9 Agensi dalam Sektor Keselamatan & Kesihatan) dan **106** Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara.

3. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran wakil calon daripada **semua parti atau individu yang bertanding**.
4. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang Pengisytiharan Identiti (Borang 2) serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus DUN berkenaan **sebelum jam 5.00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **20 November 2021 (Sabtu)**.
5. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa menjaga kerahsiaan undi masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

DATUK IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 10 November 2021 / 5 Rabiulakhir 1443H